

Panasonic Melancarkan Ketuhar *Big Cubie* Baharu: Lebih Besar dan Lebih Berkuasa

Bandar Utama, 3 Januari 2019 – Panasonic Malaysia hari ini melancarkan versi inovatif dinaiktaraf terkini di pasaran – Ketuhar Big Cubie Panasonic, Ketuhar Perolakan Stim Superpanas 30L baharu yang dicipta untuk merevolusikan pemakanan sihat dan masakan di rumah. Model, NU-SC300BMPQ, RRP: RM2,799 adalah penambahan baharu kepada rangkaian luas kategori produk Panasonic Cooking.

Panasonic Cooking, merangkumi perkakas memasak yang digunakan untuk setiap peringkat penyediaan makanan dan proses memasak yang menjadi sebahagian penting kehidupan masyarakat Malaysia.

Sebagai peneraju pasaran dalam industri Perkakas Dapur, Panasonic amat berbangga menjadi satu-satunya jenama yang memiliki rangkaian terbesar Perkakas Memasak yang sesuai untuk setiap keperluan dapur dan semua tahap kepakaran. Dengan adanya rangkaian pelengkap dapur pintar Panasonic, memasak dan menikmati pemakanan sihat yang lazat untuk seisi keluarga menjadi semakin mudah untuk disediakan.

Sejajar dengan slogan Panasonic Cooking iaitu ***Healthy Everyday***, Panasonic sangat berbesar hati dapat menghasilkan inovasi terbaharu, pintar dan sihat ke dapur moden, membolehkan keluarga memasak dan menikmati sajian segar dan sihat yang disediakan di rumah setiap hari. Dikenali sebagai Ketuhar Big Cubie Panasonic, versi dinaiktaraf daripada ciptaan asal yang popular ini mewarisi rekaan menyerupai keluarga Cubie yang lain, sama seperti nama baharunya. Dilengkapi dengan teknologi termoden dan ciri-ciri yang lebih diperincikan, ahli baharu Cubie ini dicipta untuk menawarkan solusi memasak yang pantas-dan-mudah bagi warga Malaysia yang mahukan hidangan sihat dan lazat yang boleh disediakan dengan cepat.




Ketuhar Big Cubie Panasonic NU-SC300BMPQ

Di antara ciri-ciri utama Ketuhar Big Cubie adalah:

1. Teknologi Stim Superpanas

Stim superpanas, yang melebihi 100°C, tidak berubah menjadi titisan air di udara dengan pantas, dan tidak kelihatan (saiz nano) berbanding stim biasa yang menjadi titisan air yang halus di udara, dan boleh dilihat. Dikuasakan oleh Teknologi Stim Superpanas, ketuhar pintar ini bukan sahaja memasak makanan dengan sempurna, malah ianya lebih pantas dan lebih sihat.

- **Lazat:** Sempurna untuk pangangan yang rangup di luar dan lembut berjus di dalam.
- **Sihat:** Mengekalkan nutrien dan rasa makanan sambil menghapuskan minyak dan lemak yang berlebihan.
- **Memasak Lebih Pantas:** Mengurangkan tempoh memasak menggunakan teknologi kuasa haba tinggi.



2. Cara Masakan Serba Guna

Pelbagai cara memasak boleh disediakan dengan tumpuan kepada stim, stu, gorengan sihat, panggang, bakar dan penapaian. Fungsi stim yang ditambah baik dan teknologi pemanasan perolakan memberikan sehingga 30-menu pra-program dan 5 kaedah pembersihan untuk penjagaan kebersihan dan penyediaan sajian yang lazat dan mudah setiap masa.

- **Stim Sihat** yang menggunakan Teknologi Stim Superpanas boleh menyediakan pelbagai kaedah memasak serba guna yang pantas, mudah dan menyihatkan. Rasai pengalaman kulineri yang terbaik apabila anda memasak menggunakan kaedah Stim Superpanas. Stim Sihat didatangkan dengan 3 tetapan tahap kepanasan.
- **Stu**: Masukkan semua ramuan segar ke dalam ketuhar dan stu lazat akan tersedia.
- **Perolakan, Gril dan Gorengan Sihat**: Sajikan hidangan enak dengan kemudahan kapasiti ketuhar besar untuk pengalaman mudah menggoreng, membakar dan memanggang.
- **Penapaian**: Biarkan doh anda menaik sempurna dengan tetapan suhu yang tepat (30 °C & 40 °C), untuk piza, pastri atau yogurt yang sedap.



3. Rekaan Premium & Hasilkan Masakan Secara Pukal

- **Kecanggihan Elegan Direka dengan Kemajuan Teknikal**: Alami sentuhan kualiti canggih setiap kali anda menggunakan daya inovatif yang membolehkan anda menyediakan sajian sempurna yang enak dan menyelerakan buat tetamu dan keluarga, setiap masa.
- **Kapasiti Besar (30L)**: Kini anda boleh memasak lebih banyak sekaligus untuk menyajikan makanan kegemaran anda.



"Panasonic akan terus mencipta inovasi dan memperkenalkan produk baharu rangkaian perkakas dapur yang memenuhi gaya individu yang berbeza. Kami ingin menjadi pelengkap gaya hidup pantas rakyat Malaysia melalui penyediaan perkakas dapur dan solusi menyeluruh yang inovatif," kata Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, Cheng Chee Chung.

"Amat penting bagi kami untuk membantu para pelanggan kami menjalani gaya hidup sihat melalui inovasi yang kami ciptakan. Ketuhar Big Cubie baharu melambangkan anjakan cara pemikiran kami mengenai memasak dan pemakanan sihat. Kami mahu memberikan makanan masakan rumah yang lazat menyelerakan kepada pelanggan kami, sekaligus menjadikan pemilihan sihat lebih mudah dilakukan," tambah Cheng.

Antara sorotan utama acara oleh Panasonic Cooking, dengan kerjasama ABC Cooking Studio adalah mempertontonkan demonstrasi masakan yang pasti menyelerakan, menampilkan kepelbagaian penggunaan Ketuhar Panasonic Big Cubie dan rangkaian hebat Panasonic Cooking Appliances. Pembeli juga boleh meninjau realiti maya di Cubie Experience Room, menjelajahi pemetaan unjuran interaktif 3D untuk melihat sendiri keajaiban ketuhar pintar ini.

Panasonic Cooking akan mengendalikan jerayawara demonstrasi dari 3^{hb} hingga 7^{hb} Januari 2019, di LG Oval Concourse, One Utama Shopping Centre. Jom bersama kami untuk bertemu dengan Panasonic Big Cubie BAHARU dan ketahui lebih lanjut tentang rangkaian perkakas rumah Panasonic semasa jerayawara ini!

Ketahui lebih lanjut mengenai produk dan tawaran perkhidmatan Panasonic di www.panasonic.com.my.